



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

## LAPORAN

# PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025

NAMA PROGRAM:

**PROJEK MENANAM POKOK BUNGA SEMPENA  
SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2025**

**SMARTGREEN POLYCC  
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

## **LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI PENANAMAN POKOK DI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

**Program** : Projek Menanam Pokok Bunga Sempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2025

**Tarikh** : 21 April 2025

**Keterangan** : Sempena sambutan Hari Bumi 2025 Peringkat Negeri Sarawak dengan kerjasama strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sarawak serta sumbangan pokok oleh Jabatan Hutan Sarawak telah melaksanakan aktiviti penanaman sebanyak 60 anak pokok pelbagai spesis (rujuk jadual 1) di sekitar kawasan kampus Politeknik Kuching Sarawak.

Program ini bertujuan memperkuuh usaha pemeliharaan alam sekitar dan peluasan kawasan hijau di persekitaran institusi. Aktiviti ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan zon hijau kampus, sekali gus Politeknik Kuching Sarawak lebih seimbang dan kondusif. Ia turut menyokong bidang tumpuan pengurusan alam sekitar dan landskap khususnya dalam usaha mempertingkat amalan hijau dan kelestarian kampus. Penanaman pokok secara strategik juga membantu mengurangkan jejak karbon institusi melalui peningkatan kepadatan tumbuhan yang berfungsi sebagai penyerap karbon dioksida (carbon sink). Di samping itu, program ini berperanan memupuk kesedaran ekologi dalam kalangan warga kampus, terutamanya pelajar, tentang kepentingan menjaga alam sekitar secara konsisten dan berterusan. Inisiatif ini juga mencerminkan model kolaborasi antara institusi pendidikan dan agensi kerajaan dalam usaha konservasi, dan mampu menjadi pencetus kepada lebih banyak aktiviti hijau pada masa akan datang.

Kesimpulannya, program ini turut menanam nilai tanggungjawab bersama dan keprihatinan terhadap kelestarian bumi, selaras dengan tema Hari Bumi tahun ini iaitu "Our power, Our Planet" yang menyeru kepada tindakan nyata dalam melindungi alam sekitar dari ancaman pencemaran dan degradasi ekosistem.



Gambar 1 : Aktiviti penanaman



Gambar 2: Aktiviti penanaman



Gambar 3: Hasil aktiviti tanaman pokok



Gambar 4: Hasil aktiviti tanaman pokok



Gambar 5: Pokok Lun Runching Padi



Gambar 6: Pokok Kapur Bukit



Gambar 7: Pokok Meranti Tangkai Panjang Padi



Gambar 8: Pokok Meranti Paang



Gambar 9: Pokok Berlian




Gambar 10: Pokok Meranti Lang


Jadual 1: Jadual jenis tanaman pokok

No.	Nama Botanical	Nama Tempatan	Bilangan
1	<i>Endospermum diadenum</i>	Lun Runching Padi	10
2	<i>Dryobalanops aromatica</i>	Pokok Kapur Bukit	10
3	<i>Shorea parvifolia</i>	Pokok Meranti Tangkai Panjang Padi	13
4	<i>Shorea macroptera</i>	Pokok Meranti Paang	13
5	<i>Shorea ovata</i>	Pokok Berlian	4
6	<i>Shorea leprosula</i>	Pokok Meranti Lang	10
<b>Jumlah</b>			<b>60</b>

Disediakan Oleh :

  
**HASLINDA BINTI JAMA'IN**  
 ( Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi  
 Jabatan Pengajian Am  
 Politeknik Kuching, Sarawak.  
 23-04-2025)

Disahkan Oleh :

  
**MOHD NEZUAN BIN OTHMAN**  
 ( Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)  
 Politeknik Kuching Sarawak

23-04-25